

KHAMIS  
08 02  
2018

46

### KERJAYA

Juruteknik komputer perlu peka perubahan teknologi terkini

49

### PASCASISWAZAH

Melahirkan graduan serba boleh, berinovasi

**60**  
MERENTAS GENERASI 1957-2017

**BH**

# VARSAITI

bhvarsiti@bh.com.my

## KEGUNAAN APLIKASI e-wallet



# KAMPUS TANPA TUNAI

➔ Transformasi ke arah pengurusan kewangan lebih teratur dalam kalangan warga kampus

Oleh **Nor Azma Laila**  
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**elaksanaan kampus pintar seperti yang disarankan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dalam amanat 2018, baru-baru ini bukan sahaja dapat membuka lembaran baharu dalam landskap universiti awam (UA) tetapi turut mewujudkan konsep ekonomi pintar selaras dengan usaha kementerian mengadaptasi

teknologi digital dalam pendidikan tinggi negara. Pelaksanaan kampus pintar yang disarankan itu termasuklah meningkatkan kelajuan internet di semua UA dan melaksanakan konsep kampus tanpa tunai dengan mengguna pakai aplikasi bacaan kod Respons Pantas (QR) kepada seluruh warga universiti. Setakat ini, beberapa UA sudah melancarkan konsep kampus tanpa tunai antaranya Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan terkini, Universiti Teknologi MARA (UiTM).